

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 SEPTEMBER 2023
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4

Pengeluaran makan dipertingkat- PM

Pengeluaran makanan dipertingkat - PM

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR
dan MOHD. FADHLI SULAIMAN
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Kecekapan pengurusan pengeluaran makanan akan dipertingkat untuk mengoptimumkan penggunaan tanah pertanian yang merupakan antara anjakan perubahan tinggi, bernilai tinggi (IGHV) Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan komited untuk mengukuhkan kemandirian dan keterjaminan makanan dan meningkatkan daya saing sektor pengeluaran makanan tempatan melalui autotomi dan pendigitalan.

"Keterjaminan makanan akan terus diperkuatkan melalui pelaksanaan projek pengeluaran pertanian moden yang berskala besar," katanya ketika membentangkan Kajian Separuh Penggal RMK12 di Dewan Rakyat di sini semalam.

Antara usaha itu ialah tanaman padi lima kali dalam dua tahun di kawasan pertanian Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Kedah dengan pelaburan sebanyak RM3 bilion. Mengenai subsidi, Perdana Menteri berkata, subsidi dan bantuan secara bersasar kepada



ANWAR Ibrahim (kiri) bersama Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli menunjukkan buku Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) di Bangunan Parlimen, semalam. - UTUSAN/ FARIZ RUSADIO

rakyat akan diselaraskan melalui Sistem Pangkalan Data Utama (Padu) bagi meningkatkan kecekapan dan pemantauan.

Katanya, penjimatatan daripada subsidi yang lebih bersasar dapat diagihkan semula bagi kepentingan rakyat.

"Jaminan diberikan bahawa rakyat yang kurang berasib baik kekal menjadi keutamaan Kerajaan untuk diselamatkan dan akan terus dibantuan," katanya.

Dalam pada itu, kerajaan ya-

kin sasaran membina 500,000 unit rumah mampu milik dalam RMK12 akan tercapai.

Anwar berkata, selain itu, inisiatif penyediaan tempat tinggal secara sewaan kepada golongan yang kurang berkemampuan di kawasan bandar utama yang dilaksanakan di beberapa tempat seperti di Johor dan Selangor akan diperluaskan.

"Sehingga akhir tahun 2022, sebanyak 108,373 unit rumah mampu milik telah dibina," kata beliau.